**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 27 FEBRUARI 2018 (SELASA)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Sinar Harian** | |
| - Cedera kren tumbang | 36 |
| - Permukaan tanah tidak stabil | 36 |
| **KOSMO** | |
| - Trafik sesak 10 jam akibat kren tumbang di Jalan Lingkaran Tengah 2, Ampang | 01 & 08 |
| **Malay Mail** | |
| - Crane falls on highway | 01 & 03 |
| **The Sun** | |
| - Crane fall injures one, snags highway traffic | 03 |
| **New Strait Times** | |
| - Operator injured in Ampang crane fall | 12 |
| **Harian Metro** | |
| - Kren 'lintas' MRR2 | 64 |
| **Utusan Malaysia** | |
| - KREN TUMBANG, MRR2 SESAK TERUK | 01 & 08 |
| **The Star** | |
| - Massive block | 04 |
| **Sin Chew Daily** | |
| - Kren tumbang MRR2 sesak 5km | 02 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 27 FEBRUARI 2018 (SELASA)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Cedera kren tumbang |
| Muka Surat | 36 |

# Cedera kren tumbang

*MPAJ arah projek pembinaan dihentikan agar siasatan berjalan*

AHMAD ISMADI ISMAIL

**AMPANG**



Keadaan kren yang tumbang.

SH 27/2/18 M/S 36.

Seorang operator cedera apabila kren yang dikendalikan olehnya tumbang dalam kejadian di sebuah tapak projek pembinaan di Dataran Ukay berhampiran Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2), semalam.

Mangsa dikenali sebagai Azri Yahya, 36, cedera dipinggang dalam insiden itu, kira-kira jam 10.20 pagi.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai, Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Alimaddia Bukri berkata, sepasukan tujuh anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Ampang, bergegas ke lokasi kejadian.

"Sebuah kren tumbang menghalang lalu lintas MMR2 menghala ke Ampang, kita memberi rawatan awal, sebelum membawanya ke Hospital Ampang," katanya.

Anggota bomba dan penyelamat membuat permantauan di lokasi kejadian bagi memastikan keadaan selamat.

Sementara itu, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah mengeluarkan surat arahan berhenti kerja sementara kepada pemaju projek bagi membantu siasatan berhubung insiden itu.

Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, pihaknya telah menerima laporan awal kecemasan hal luar jangkaan berhubung insiden crawler crane tumbang di MRR2.

"Ketika kejadian, sebuah 'crawler crane' sedang mengangkat 'casing pile' bagi kerja 'CBP wall' di kawasan tinggi bersebelahan dengan MRR2 (Arah Ampang) dipercayai telah hilang imbangan dan terjatuh ke dalam MRR2.

"Ini menyebabkan 'crane boom' telah merentangi laluan utama MRR2 (Arah ke Ampang) dan menutupi dua daripada tiga lorong MRR2 (lorong perlahan tengah). Keadaan ini menyebabkan gangguan trafik yang teruk kepada lalulintas MRR2," katanya kepada Sinar Harian.

Menrutnya, makluman dan bantuan daripada pihak polis dan Bomba telah diperolehi bagi mengawal lalu lintas di tapak.

"Pusat Kawalan Trafik LLM dan ITIS DBKL juga telah dimaklumkan bagi membuat hebahan kepada pengguna dan melencongkan trafik dari melalui kawasan ini.

"Pihak konsultan dan kontraktor mendapatkan kren lain bagi membuat pengalihan terhadap halangan di tapak," katanya.

Dalam perkembangan sama, K etua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Hamzah Alias ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>27 FEBRUARI 2018 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Permukaan tanah tidak stabil |
| Muka Surat | 36 |

# Permukaan tanah tidak stabil

**AMPANG** – Laporan awal, kejadian kren terbalik di kilometer 25.2 berhampiran Dataran Ukay adalah dipercayai berpunca dari permukaan tanah yang menempatkan jentera tersebut tidak stabil.

Konsesi Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Klang (Suke), Projek Lintasan Sungai Besi Ulu-Klang Sdn Bhd mengesahkan laporan kejadian yang berlaku kira-kira jam 10 pagi.

Menurut kenyataan media yang dikeluarkan, tiada kecederaan dan kerosakan harta awam yang dilaporkan. Pasukan kecemasan telah dikerahkan ke kawasan kejadian untuk memberi bantuan dan kerja-kerja pembersihan juga giat dijalankan bagi menyuraikan kesesakan trafik.

Prolintas juga memohon maaf diatas sebarang kesulitan yang timbul berikutan kejadian ini, syarikat berkenaan juga memberi jaminan bahawa keselamatan dan keselesaan orang awam dan penduduk di sekitar kawasan pembinaan Lebuhraya Suke berada dalam selamat.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>27 FEBRUARI 2018 (SELASA)** | |
|---|---|
| Akhbar | KOSMO |
| Tajuk Berita | Trafik sesak 10 jam akibat kren tumbang di Jalan Lingkaran Tengah 2, Ampang |
| Muka Surat | 01 & 08 |

» BERITA DI MUKA 2



TRAFIK di Jalan Lingkaran Tengah 2 sesak semalam selepas sebuah kren tumbang di jalan itu dekat Dataran Ukay, Ampang dekat Kuala Lumpur.

## Trafik sesak 10 jam akibat kren tumbang di Jalan Lingkaran Tengah 2, Ampang

PENGGUNA Jalan Lingkaran Tengah (MRR2) terpaksa mengharungi kesesakan lebih 10 jam semalam selepas sebuah kren projek pembinaan Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) tumbang dan menutup dua lorong jalan tersebut berhampiran Dataran Ukay, Ampang, Selangor.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai Jabatan Bomba Penyelamat Selangor, Alimaddia Bukri berkata, pemandu kren, Azri Yahya, 35, cedera di pinggang dalam kejadian pada pukul 10.20 pagi itu yang turut menyebabkan MRR2 mengalami kesesakan teruk sejauh lima kilometer.

» LAPORAN DI MUKA 8



Kosmo 27/2/18 m/s 08

Kren digunakan untuk projek SUKE tumbang punca lalu lintas sesak lebih 10 jam

# MRR2 dilanda kesesakan teruk

Oleh EDDY HAMIDI

AMPANG JAYA – Orang ramai yang melalui Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) berhampiran Dataran Ukay di sini semalam terpaksa mengharungi kesesakan lebih 10 jam apabila sebuah kren tumbang dan merentangi dua lorong di laluan tersebut.



AZRI

Kren yang tumbang tersebut sebelum itu digunakan untuk melakukan kerja-kerja pembinaan di Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE).

Kejadian kira-kira pukul 10 pagi itu menyebabkan pemandu kren, Azri Yahya, 35, cedera di pinggang selepas jentera berat itu tumbang.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai Jabatan Bomba Penyelamat Selangor, Alimaddia Bukri berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian itu pada pukul 10.20 pagi sebelum bergegas ke lokasi.

"Setiba di lokasi, sebuah kren tumbang dengan mengakibatkan pemandunya cedera. Kren itu merentangi dua lorong MRR2 dari arah Hulu Klang ke Ampang menyebabkan hanya satu lorong boleh dilalui," kata beliau semalam.

Menurut beliau, pemandu kren yang cedera dihantar ke Hospital Ampang dan keadaannya dilaporkan stabil.

Dalam pada itu, Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Selangor, Superintendan Azman Shari'at berkata, kren tersebut tumbang kerana hilang keseimbangan semasa melakukan kerja-kerja pembinaan SUKE.

Menurut beliau, kren yang menghalang laluan itu menyebabkan MRR2 mengalami kesesakan sepanjang lima kilometer dan sehingga malam.

Beliau berkata, pihak konsultan Suke dan kontraktor hanya berjaya mengalihkan kren tersebut pada pukul 8.50 malam menggunakan tiga buah kren lain.

Sementara itu, jurucakap Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (ProLintas) memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang berlaku.

ProLintas, syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), merupakan pemegang konsesi bagi Lebuh Raya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH), Lebuh Raya Koridor Guthrie (GCE), Lebuh Raya Kemuning-Shah Alam (LKSA), Lebuh Raya Kajang SILK (SILK), SUKE dan Lebuh Raya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH) melalui anak-anak syarikatnya.



KEADAAN kren tumbang (dalam bulatan) yang merentang dua lorong MRR2 berdekatan Dataran Ukay di Ampang semalam.



MRR2 mengalami kesesakan sejauh lima kilometer akibat kren tumbang di Ampang semalam.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>27 FEBRUARI 2018 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | Malay Mail |
| Tajuk Berita | Crane falls on highway |
| Muka Surat | 01 & 03 |



Since 1896
malaymail
RM1
Tuesday
February 27, 2018
Follow us on
@malaymail
www.themalaymailonline.com
PP 423/01/2013(031356)
Newspaper delivery enquiries: 03-74951068

# Crane falls on highway

Traffic comes to a halt after a crawler crane collapsed across the MRR2 Ulu Klang-Ampang highway during construction work on the Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway yesterday. — Picture by Razak Ghazali

» SEE PAGE 3

# Fallen crane reduces traffic to a crawl, operator hurt

Mmail 27/2/18 m/s 01 & 03



Police and rescue personnel control traffic at the site where the crane collapsed. — Picture by Razak Ghazali

By Kenneth Tee
kenneth@mmail.com.my

PETALING JAYA — A crawler crane collapsed over the MRR2 Ulu Klang-Ampang highway during construction work on the Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway (SUKE) in Ampang yesterday morning, causing a massive congestion.

The 36-year-old crane operator suffered injuries to his hip and was treated by paramedics at the site.

No other injuries were reported.

Unstable land surface below the crane was said to have caused the incident (*see accompanying story*).

"The victim was given first aid and later brought to Hospital Ampang," a Selangor Fire and Rescue Department spokesman said.

Selangor Traffic Investigations and Enforcement chief Superintendent Azman Shari'at said authorities were alerted to the incident, which occurred near Jalan Bunga Anggerik at Dataran Ukay along MRR2, at 9.58am.

Seven personnel from the Ampang Fire and Rescue Department station were dispatched to the scene.

"The crane lost balance and fell towards the road with its crane boom spreading across two of the three lanes on the highway (the slow lane and the middle lane), leaving only the right lane accessible," Azman said.

Initial investigations showed the crawler crane was lifting casings during piling work for a retaining wall on elevated ground beside the highway when it fell over.

Azman said police, the Fire and Rescue Department and traffic control centre personnel from the Malaysian Highway Authority were brought in to control traffic flow at the site.

The incident created a traffic crawl stretching to at least 4km on both sides of the highway.

## Safety our priority, says highway concessionaire

KUALA LUMPUR — Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Klang (ProLintas) confirmed the crane which collapsed along the MRR2 Ulu Klang-Ampang highway was caused by unstable land surface.

In a statement, Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd said there were no injuries or damage to public property.

"The emergency team has been sent to the scene to provide assistance and cleaning works are being conducted to help disperse the congested traffic as soon as possible," it said soon after the incident.

ProLintas apologised for any inconvenience caused, and gave the assurance that the safety and convenience of the public and residents along the construction work site at the Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway (SUKE) was its priority.

"Anyone with information or complaints regarding the construction works of the SUKE can send them to ProLintas Facebook and Twitter accounts at PROLINTAS Highways/@mySUKEofficial or call telephone number 1300-88-9922," it said.

ProLintas is a wholly-owned company of Permodalan Nasional Berhad (PNB) and the concessionaire of the Ampang-Kuala Lumpur Elevated Highway (AKLEH), Guthrie Corridor Expressway (GCE), the Kemuning-Shah Alam (LKSA), the Kajang Dispersal Link Expressway (SILK), SUKE and the Damansara-Shah Alam Elevated Expressway (DASH) through its subsidiaries. — Bernama

## AirAsia plane makes emergency landing in Okinawa

TOKYO — An AirAsia aircraft made an emergency landing at Okinawa's Naha Airport yesterday because of engine trouble, China's Xinhua news agency quoted Japan's Ministry of Transport as saying.

None of the 379 passengers and crew members aboard the AirAsia X flight bound for Kuala Lumpur was injured in the emergency landing by the budget carrier.

The ministry said the aircraft's right engine indicated problems at 2.15am (Japan time), forcing the captain to shut down the troubled engine and declare an emergency landing.

The aircraft touched down at Naha Airport at 3am.

It had initially departed from Tokyo's Haneda Airport. — Bernama

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>27 FEBRUARI 2018 (SELASA)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Sun |
| Tajuk Berita | Crane fall injures one, snags highway traffic |
| Muka Surat | 03 |



Traffic was at a crawl after a crane fell across MRR2 at Dataran Ukay yesterday.

# Crane fall injures one, snags highway traffic

T/SUN 27/2/18
MS 03.

**KUALA LUMPUR:** A construction worker was injured after he was hit by the boom of a crane which fell across the highway at Dataran Ukay near the Middle Ring Road 2 (MRR2) yesterday.

Selangor Traffic Investigations and Enforcement chief Superintendent Azman Shari'at said the worker was on duty at a construction site when he was hit by the falling crane in the 10.20am incident.

He said the incident occurred when a moving crawler crane was lifting a casing pile and lost its balance.

"The boom of the crane fell across the second and third lane of the MMR2 highway heading towards Ampang," he added.

Seven personnel from the Ampang Fire and Rescue Department were dispatched to the scene after the department received a distress call.

The incident resulted in a massive traffic snarl.

Azman said the police, Fire and Rescue Department and traffic control centre personnel from the Malaysian Highway Authority were brought in to control the traffic flow at the location.

The victim was identified as Azri Yahya, a local in his 40s, who suffered injuries around his waist and is currently warded in Ampang Hospital. – by **Ashwin Kumar**



The overturned crane at the construction site.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**27 FEBRUARI 2018 (SELASA)** | |
|---|---|
| Akhbar | New Strait Times |
| Tajuk Berita | Operator injured in Ampang crane fall |
| Muka Surat | 12 |



*A crane topples in the Middle Ring Road 2 in Ampang, Kuala Lumpur, yesterday.* BERNAMA PIC

MASSIVE CONGESTION

NST 27/2/18 MS 12.

# Operator injured in Ampang crane fall

**KUALA LUMPUR:** A crane operator was injured when it toppled over in Jalan Bunga Anggerik, along the Middle Ring Road 2, in Ampang yesterday.

Selangor Fire and Rescue Department operations and station management head Alimaddia Bukri said the department received a distress call at 10.12am and despatched six men from the Ampang station to the scene.

"When our men got there, they found the crane toppled over, right across the road.

"The 36-year-old crane driver, Azri Yahya, was injured near the waist and was taken to Ampang Hospital for treatment," he said.

Selangor Traffic Enforcement and Investigation Department chief Superintendent Azman Shari'at said the incident forced traffic police to close the road while operations to clear the heavy machine were underway.

He said the crane was lying across two of the three lanes.

"The incident caused massive traffic congestion, which went back several kilometres."

Traffic heading to Ampang from Hulu Klang came to a standstill, with vehicles backed up at least 4km.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>27 FEBRUARI 2018 (SELASA)** | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | Kren ‘lintas’ MRR2 |
| Muka Surat | 64 |







# Kren ‘lintas’ MMR2

HM 27/02/18 M/S 64.

## ■ Jalan sesak 6km akibat kren tumbang

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

**Ampang**

Hilang imbangan menyebabkan sebuah kren tumbang sebelum jatuh melintang di atas laluan Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2), berhampiran susur Jalan Bunga Anggerik di sini.

Kejadian jam 9.58 pagi semalam, menyebabkan seorang lelaki cedera di bahagian pinggang selepas kren dipandunya tumbang.

Biarpun tiada kenderaan yang rosak dihempap kren itu, kejadian menyebabkan kesesakan lalu lintas ‘luar biasa’ sepanjang lebih enam kilometer dari arah Hulu Klang menuju ke Ampang.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai Jabatan Bomba Penyelamat Selangor Alimaddia Bukri berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 10.12 pagi.

“Seramai enam anggota bersama dua jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Ampang dikerahkan ke lokasi kejadian.

“Sebaik tiba di lokasi kejadian, kami mendapati satu kren tumbang dan melintang di tengah jalan.

“Kejadian itu menyebabkan pemandu kren berkenaan, Azri Yahya, 36, cedera di bahagian pinggang dan dibawa ke Hospital Ampang untuk rawatan lanjut,” katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Selangor Superintendan Azman Shari’at berkata, kejadian itu menyebabkan laluan utama MRR2 menuju ke Ampang terpaksa ditutup selepas ia merentangi dua daripada tiga lorong di jalan berkenaan.

“Keadaan itu menyebabkan kesesakan teruk di lebuh raya berkenaan,” katanya.

Sehingga jam 5 petang semalam, hanya satu daripada tiga lorong di laluan lebuh raya itu boleh digunakan berikutan kren itu yang masih menghalang lalu lintas.

Sementara itu, Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Klang (ProLintas) mengesahkan kejadian kren tumbang di MRR2 Ulu Klang-Ampang berpunca permukaan tanah tidak stabil yang menempatkan kren berkenaan.

ProLintas berkata kejadian itu tidak membabitkan kerosakan harta awam.

“ProLintas mengesahkan laporan kren terbalik di Kilometer 25.2 berhampiran Dataran Ukay pada 10 pagi semalam,

“Pasukan kecemasan dikerah ke kawasan kejadian untuk memberi bantuan dan kerja-kerja pembersihan kini giat dijalankan bagi menyuraikan kesesakan trafik dengan kadar segera,” katanya dalam kenyataan.

Sehubungan itu, ProLintas memohon maaf atas sebarang kesulitan yang timbul berikutan kejadian itu dan memberi jaminan keselamatan serta keselesaan orang awam dan penduduk di sekitar kawasan pembinaan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) menjadi keutamaan syarikat itu.

Orang ramai juga diminta menyalurkan maklumat dan aduan berhubung pembinaan Lebuhraya SUKE kepada Facebook dan Twitter ProLintas iaitu PROLINTAS Highways/@mySUKEofficial atau talian 1300-88-9922.



KREN terbalik yang menghalang laluan MRR2.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>27 FEBRUARI 2018 (SELASA)** | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | KREN TUMBANG, MRR2 SESAK TERUK |
| Muka Surat | 01 & 08 |



# KREN TUMBANG, MRR2 SESAK TERUK

KEJADIAN sebuah kren tumbang di tapak projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (Suke) di Kilometer 25.2 Jalan Lingkaran Tengah Dua (MRR2), Kuala Lumpur, pada pukul 9.58 pagi semalam menyebabkan kesesakan lalu lintas yang amat teruk sehingga malam.

Kelemahan pihak berkuasa mengawal keadaan termasuk lambat mengalihkan kren menyebabkan ramai pengguna meluahkan kemarahan dan kekecewaan mereka termasuk di media sosial.

● RIBUAN pengguna MRR2 mengharungi kesesakan lalu lintas sejauh kira-kira 3km semalam, akibat kejadian kren tumbang (gambar kecil) [BERITA DI MUKA 8] - UTUSAN/AIZZUL A. MAJID

UM 27/2/18 MS 08

# Kren tumbang trafik sesak 3km

Oleh **NURFARAHIN HUSSIN**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 26 FEB.**

SEBUAH kren projek pembinaan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (Suke) tumbang di Jalan Anggerik, Lebuhraya Lingkaran Tengah Dua (MRR2) di sini sekali gus mengakibatkan kesesakan lalu lintas sepanjang tiga kilometer di lebuh raya tersebut, hari ini.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Selangor, Superintendan Azman Shari'at berkata, kejadian kira-kira pukul 10 pagi itu berlaku apabila kren yang sedang mengangkat tiang di kawasan tinggi dalam kawasan pembinaan tersebut hilang imbangan dan jatuh merentangi laluan utama MRR2.

"Kren tersebut menutupi dua daripada tiga lorong MRR2 menghala ke Ampang. Keadaan ini menyebabkan gangguan trafik yang teruk.

"Pihak konsultan dan kontraktor projek kemudian mendapatkan kren kedua bagi membuat pengalihan halangan di lokasi itu. Setakat pukul 5 petang, operasi mengalihkan kren masih berjalan dan pengguna jalan raya masih lagi menggunakan satu lorong dengan dikawal anggota polis trafik," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Ampang, Timbalan Penguasa Bomba Ariff Mohamed Kassim berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada pukul 10.12 pagi dan sebuah jentera dengan enam anggota diarahkan ke lokasi kejadian.

"Apabila tiba, kita dapati pemandu kren, Azri Yahya, 36, telah keluar dari bahagian pemandu kren namun mengalami kecederaan di pinggang. Mangsa kemudian dibawa ke Hospital Ampang untuk mendapatkan rawatan," katanya.

Katanya, setakat ini tiada laporan orang awam terbabit dalam kejadian tersebut.



**KESESAKAN** lalu lintas akibat kren jatuh di jalan raya Lingkaran Tengah II menghala ke Ampang. Kuala Lumpur semalam. - **UTUSAN/AIZZUL A. MAJID**



KRONOLOGI

## Insiden Kren Tumbang

**23 JANUARI 2018**
Sebuah kren yang sedang mengangkat batu tumbang di tapak pembinaan bersebelahan Tiara Faber Kondo, Jalan Desa Utama, Kuala Lumpur.

**2 JANUARI 2018**
Sebuah kren menara di sebuah tapak pembinaan tumbang dan mengakibatkan seorang pekerja warga Indonesia maut, manakala tiga rakannya dalam satu kejadian di Seksyen 7, Shah Alam, Selangor.

**9 NOVEMBER 2017**

Tiga termasuk dua wanita cedera dalam kejadian kren tumbang di sebuah tapak projek pembinaan milik UDA Holdings Berhad (UDA) di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

**10 OKTOBER 2017**
Dua maut manakala seorang cedera selepas mereka dihempap kren tumbang dalam satu kejadian di tapak projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID), Pengerang, Johor.

**11 OGOS 2017**

Dua orang dipercayai maut dihempap kren yang tumbang di sebuah tapak projek perumahan di Taman Capital, Tanjung Tuang, Kota Samarahan, Sabah.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 27 FEBRUARI 2018 (SELASA)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Massive block |
| Muka Surat | 04 |



**THE STAR,** TUESDAY 27 FEBRUARY 2018

TS 27/2/18
m/s 04.

Watch the video
thestartv.com

## Massive block

A fallen crane caused heavy traffic congestion at the Middle Ring Road 2 (MRR2) near the Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway (SUKE) project construction site. In the 10am incident yesterday a crawler crane lost its balance while lifting a casing pile, causing the boom of the crane to fall onto the road and block traffic. One man suffered minor injuries in the accident. Selangor Traffic Investigation and Enforcement Department chief Supt Azman Shari'at said two out of the three lanes heading to Ampang were blocked.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**
**27 FEBRUARI 2018 (SELASA)**

| | |
|---|---|
| Akhbar | Sin Chew Daily |
| Tajuk Berita | Kren tumbang MRR2 sesak 5km |
| Muka Surat | 02 |



▲起重机侧翻，吊臂遮挡车道导致第二中环公路淡江往安邦方向大堵车。

## 第二中環公路朝安邦方向
# 起重機側翻塞車5公里

SD 27/2/18
M/S 02.

（吉隆坡26日讯）工地一辆正吊起管基桩的履带式起重机因土地不平而失衡侧翻，导致操作员受轻伤，吊臂更是坠落横躺在公路上挡住两条车道，造成第二中环公路大堵车长达10小时。

据了解，这起意外于今天早上9时许在新街场–淡江大道高架天桥（SUKE）工地靠近第二中环公路25.2公里处淡江往安邦方向发生。

Prolintas大道公司今午发文告，对于这起事故所引起的不便致歉，并向民众保证，大道公司将确保SUKE工程不会对周围民众带来不便及安全威胁。

文告指出，这起事故是因起重机所在位置的土地不平整导致起重机失衡翻覆，所幸事故并没有造成进一步的财务或人命伤亡。在事故后，他们公司已紧急派人协助善后。

截至下午4时许，清理工作还在进行中，因此第二中环公路的车龙仍无法得到舒缓。

雪兰莪交通调查及执法主任阿兹曼警监指出，起重机是在运载一批建材时失去平衡侧翻，吊臂摔向第二中环公路朝往安邦方向，并遮挡了慢车道及中间车道。



▲消拯人员将救出的起重机操作员抬上担架，准备送院治疗。

“起重机操作员（36岁）因腰部受伤而被送往医院治疗。”

他指出，这起车祸并没有酿成人命伤亡或其他车祸事故，警方及消防及拯救局在接获投报后已赶到现场善后。

他说，从淡江至安邦的车龙长达约5公里，而工程承包商目前正设法将侧翻的起重机移走。



◀起重机失衡侧翻，导致第二中环公路大堵车。



◀坠落的吊臂几乎遮挡了3条车道，仅剩下快车道有一点空间可让车辆通行。